

Zahid di majlis RELA: Jaga jalinan Sarawak dan Persekutuan

zahidhamidi.com

August 8, 2015

By Admin

Jaga hubungan, jangan hancurkan jalinan antara Sarawak dan Persekutuan kata Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi telah mengeluarkan amaran keras terhadap individu atau kumpulan yang cuba menimbulkan ketegangan dalam hubungan baik dipupuk antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan, sesiapa pun tidak patut cuba mewujudkan kemelut antara Sarawak dan kerajaan persekutuan yang sudah mempunyai jalinan yang sangat baik.

"Hubungan baik Sarawak, Semenanjung dan Sabah ini seharusnya kita kekalkan, jika ada kumpulan atau individu tertentu cuba menggugat marilah RELA berada di barisan hadapan untuk mempertahankan hubungan ini," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika menghadiri Majlis ramah mesra sambutan hari raya Aidilfitri anjuran Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) negeri yang dihadiri Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem di Stadium Perpaduan Petra Jaya, Sarawak. Beliau juga menegaskan bahawa beliau menyedari terdapat pihak-pihak tertentu cuba menggunakan pendekatan 'pecah dan perintah' bagi menimbulkan perselisihan di antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Ahmad Zahid berkata, Perdana Menteri amat yakin dan percaya dengan kepimpinan Adenan dalam menerajui negeri ini.

"Jalinan kukuh ini bukan sahaja di kalangan tokoh politik, pegawai kanan kerajaan, tokoh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tokoh masyarakat bagi kedua-dua kerajaan negeri dan pusat. Namun hati dan jiwa semua rakyat Sarawak, Sabah dan Semenanjung harus berada dalam satu demi kemakmuran negara," katanya.

Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang juga Menteri Dalam Negeri, menyatakan kementeriannya bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama untuk mempertahankan dan meningkatkan hubungan baik antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia dalam membangunkan negara. Terdahulu, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem menyatakan sokongan tidak berbelah bagi rakyat Sarawak kepada Dato' Seri Zahid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Bernamea

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Blog at WordPress.com.

Source: <http://zahidhamidi.com/2015/08/08/rela-hubungan-sarawak-federal-zahid/>